

Kanun Keseksaan jadi 'mandul' jika gagal tangani seks songsang

● Seks songsang menjadi jenayah bukan semata-mata diwarisi dalam undang-undang atau berkait ajaran agama, tetapi untuk melindungi masyarakat daripada perbuatan bertentangan nilai sosial, bertujuan menjaga ketertiban awam dan mengekalkan standard moral masyarakat

● Penguatkuasaan undang-undang perlu dilakukan bersungguh-sungguh pada peringkat arus perdana kerana undang-undang wujud dalam Kanun Keseksaan. Ia menjadi tanggungjawab lebih besar ke atas pihak berkuasa, terutama PDRM dan pendakwa raya

Oleh Prof Madya Datuk
Dr Shamrahayu A Aziz
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah
di Kuliyah
Undang-Undang
Ahmad Ibrahim, UIA

Perbuatan seks songsang sudah sekian lama menjadi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Penulis menggunakan frasa 'seks songsang', walaupun tiada definisi undang-undang bagi merangkum perbuatan seks berlawanan dengan kebiasaan seks atau seks dibenarkan antara lelaki dan perempuan.

Perbuatan berikut boleh dikategorikan sebagai kesalahan seks songsang dalam Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan sumbang mahram (Seksyen

376A); perisetubuhan luar tabii dengan haiwan (Seksyen 377); perisetubuhan bertentangan aturan tabii (Seksyen 377A); kesalahan melakukan perisetubuhan bertentangan aturan tabii tanpa kerekaan (Seksyen 377C); perhubungan seks dengan objek (Seksyen 377CA); melanggar kesopanan (Seksyen 377D) dan merangsang seorang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun melakukan suatu perbuatan kelucahan melampau (Seksyen 377E).

Kesalahan berkaitan seks dalam Kanun Keseksaan diperuntukkan dalam Bab XVI, iaitu Bab memuatkan peruntukan berkaitan 'Kesalahan-Kesalahan Mengenai Tubuh Manusia'.

Kesalahan sumbang mahram dianggap sebagai sebahagian daripada seks songsang kerana melanggar norma sosial masyarakat, walaupun mungkin berlaku secara sukarela kedua-dua pihak.

Kesalahan sumbang mahram dimasukkan dalam Kanun Keseksaan melalui pindaan pada 2002 kerana tuntutan atau implikasi sosial. Maksudnya di sini, suatu kesalahan seks diambil perhatian kerana kesannya ke atas masyarakat.

Setiap perbuatan dijadikan jenayah mempunyai sebab tersendiri. Perkara sama juga terpakai kepada kesalahan seks songsang. Masyarakat tidak boleh menganggap kesalahan seks songsang ini sebagai remeh, taboo dan bersifat peribadi atas tiket kebebasan semata-mata.

Seks songsang menjadi jenayah bukan semata-mata diwarisi dalam undang-undang atau berkait ajaran agama, tetapi untuk melindungi masyarakat daripada perbuatan bertentangan nilai sosial, bertujuan menjaga ketertiban awam dan mengekalkan standard moral masyarakat.

Ia bermatlamat melindungi institusi keluarga sebagai kerangka utama masyarakat. Seks songsang boleh memudaratkan individu dan masyarakat. Justeru, Kanun Keseksaan perlu menghukum perbuatan ini sebagai pencegahan.

Perlembagaan dalam tiga peruntukan membolehkan kebebasan asasi dihadkan bagi tujuan menjaga moral awam. Perkara 10(2)(a), 10(2)(c) dan 11(5) dinyatakan jelas. Dalam Perkara 10(2)(a), prinsip moral disebut bersama ketenteraman awam bagi tujuan mengehadkan kebebasan bercakap dan bersuara.

Perkara 10(2)(c) menyebut moral awam bersama ketenteraman awam. Perkara 11(5) menyatakan kebebasan beragama tidak boleh berlawanan dengan kesihatan awam atau nilai moral.

Peruntukan Perlembagaan menjadikan moral masyarakat atau awam adalah nilai teras negara kerana sebagai undang-undang tertinggi negara, ia menyediakan kerangka kepada undang-undang dan juga tata kehidupan masyarakat.

Masyarakat tidak boleh menganggap kesalahan seks songsang ini sebagai remeh, taboo dan bersifat peribadi atas tiket kebebasan semata-mata

Dalam perbahasan berbeza berkaitan alasan mengelaskan perbuatan seks songsang sebagai satu jenayah, segelintir pihak terutama penyokong kebebasan individu berhujah, seks adalah kebebasan individu, tidak membabitkan mangsa andainya dua pihak bersetuju.

Falsafah negara pentingkan nilai agama, moral
Justeru, bagi mereka, perbuatan seks tidak harus dijadikan jenayah. Alasan menyokong peruntukan undang-undang meletakkan seks songsang sebagai jenayah ini bagi mereka hanya sesuai pada masa undang-undang itu dibuat, tetapi tidak lagi relevan pada masa kini.

Walaupun seks songsang tersebar seluruh dunia, ia tidak semestinya sesuai di negara ini. Falsafah negara mementingkan nilai agama, moral, adat dan adab, maka perkara ini tidak patut dibiarkan kerana akan meruntuhkan nilai masyarakat dan negara.

Apa yang dianggap sebagai kebebasan dan *victimless crime* tidak seharusnya diterima serta dinormalisasikan di negara ini. Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman kepada kesalah

lahan sebegini.

Pembuktian dalam kes sebegini agak renyah. Sebagai contoh, kesalahan perisetubuhan bertentangan dengan aturan tabii seperti peruntukan mengikut Seksyen 377A sukar dibuktikan di mahkamah dan prosedur siasatan tertentu perlu dilaksanakan, seperti ujian DNA atau *internal search*.

Kesukaran pembuktian ini bersesuaian dengan hukumannya yang berat, iaitu penjara mencecah 20 tahun dan sebatan mengikut Seksyen 377B. Kesalahan mengikut Seksyen 377A menunjukkan perisetubuhan luar tabii mungkin boleh dilakukan secara sukarela.

Seksyen 377C pula menyediakan peruntukan khusus kesalahan perisetubuhan luar tabii tanpa kerekaan. Hukuman bagi kesalahan mengikut Seksyen 377C ialah penjara lima hingga 20 tahun serta sebatan.

Namun begitu, terdapat peruntukan lain lebih mudah untuk dibuktikan. Perbuatan *gross indecency* diterjemahkan sebagai 'kelucahan melampau' misalnya, boleh menjadi pilihan pertuduhan bagi kesalahan lebih ringan hukumannya.

Lazimnya, kesalahan kelucahan melampau ini difahami sebagai kesalahan liwat, tetapi ia bukan semata-mata liwat, tetapi boleh membabitkan perbuatan lucuh atau perbuatan seks. Hanya mahkamah boleh menentukan maksud kelucahan melampau. Justeru, kes perlu dibawa ke mahkamah untuk dicerakinkan maksud dan tujuan Seksyen 377D.

Bagi perundangan syariah, perbuatan seks songsang bertentangan ajaran Islam dan boleh dijadikan kesalahan takzir. Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes membatalkan beberapa peruntukan jenayah syariah di Kelantan sebelum ini menjelmakan persoalan besar bagi negeri lain, termasuk di Wilayah Persekutuan.

Walaupun hanya undang-undang kesalahan syariah di Kelantan terbatal, mungkin terdapat kebimbangan dalam jabatan penguatkuasaan undang-undang syariah mengenai kesan keputusan Mahkamah Persekutuan itu.

Penguatkuasaan undang-undang hendaklah dilakukan secara bersungguh-sungguh pada peringkat arus perdana kerana undang-undang wujud dalam Kanun Keseksaan. Ia menjadi tanggungjawab lebih besar ke atas pihak berkuasa, terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pendakwa raya.

Ini kerana suatu undang-undang akan dilihat sia-sia dan 'mandul' sekiranya tidak dikuat kuasa sewajarnya, sedangkan hasrat undang-undang itu demi menjaga kestabilan sosial masyarakat dan negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH